



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (17 SEPTEMBER 2021) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) amat bimbang dengan situasi hak asasi manusia di Afghanistan yang semakin meruncing sejak beberapa bulan ini. Pada 16 Ogos 2021, sekumpulan pakar hak asasi manusia PBB telah mengeluarkan kenyataan mendesak agar tindakan segera diambil untuk melindungi hak asasi manusia dan menghalang pembunuhan orang awam di Afghanistan serta keperluan untuk melindungi golongan paling rentan termasuk kanak-kanak, wanita dan gadis, pelarian, orang kurang upaya, pembela hak asasi manusia, wartawan dan media, pendidik dan ahli pertubuhan masyarakat sivil.

SUHAKAM diberitahu mengenai situasi mendesak di Afghanistan semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 Forum Asia Pasifik berkenaan Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) yang diadakan pada 15 September 2021. SUHAKAM dimaklumkan tentang keadaan huru hara dan ketidakpastian sejak ibu negeri Afghanistan, Kabul diambil alih oleh Taliban pada 15 Ogos 2021 dan setiap ahli dan kakitangan Suruhanjaya Bebas Hak Asasi Manusia Afghanistan (AIHRC) berisiko kerana kerja-kerja Suruhanjaya melibatkan dokumentasi jenayah perang, jenayah kemanusiaan dan pelanggaran undang-undang kemanusiaan antarabangsa membabitkan Taliban. AIHRC telah memberikan tumpuan kepada usahanya untuk memindahkan kesemua kakitangan mereka meskipun ada antaranya telah melarikan diri ke negara jiran. Pada masa yang sama, AIHRC amat berharap agar Suruhanjaya ini tidak dibubarkan.

AIHRC juga memaklumkan bahawa media bebas dan aktivis hak asasi juga mengalami ancaman yang sama di mana mereka dipukul dan disiksa oleh Taliban. Sejak Julai 2020, sejumlah tujuh Pesuruhjaya dan kakitangan AIHRC telah terbunuh akibat serangan pengganas. AIHRC mengesyorkan tiga tindakan segera bagi perlindungan rakyat di Afghanistan iaitu:

- i. AIHRC memohon mana-mana negara untuk menyediakan visa kepada orang yang dilindungi termasuk kakitangan AIHRC dan ahli keluarga mereka bagi membolehkan mereka menyelamatkan diri setelah penerbangan komersial kembali beroperasi;
- ii. Mengkoordinasi kenyataan yang tegas terutamanya daripada Negara-negara Islam untuk menyokong hak asasi manusia wanita dan gadis Afghanistan, terutamanya hak pekerjaan dan Pendidikan; dan
- iii. Agar Kerajaan menyokong Majlis Hak Asasi Manusia untuk memulakan Resolusi bagi menubuhkan misi mencari fakta untuk Afghanistan.



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

SUHAKAM memuji usaha Kerajaan Malaysia yang menggesa sesi khas ke-31 Majlis Hak Asasi Manusia untuk mengakui situasi hak asasi manusia yang membimbangkan dan keadaan di Afghanistan serta telah membuat rundingan mengenai draf resolusi Majlis Hak Asasi Manusia bertajuk: Mengukuhkan Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia di Republik Islam Afghanistan; dan penyertaan Menteri Luar Negeri dalam Mesyuarat Menteri Peringkat Tinggi mengenai Situasi Kemanusiaan di Afghanistan anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 13 September 2021 yang menegaskan bahawa keselamatan, hak asasi dan kesejahteraan semua rakyat Afghanistan serta warganegara lain di negara itu perlu dilindungi.

Sehubungan itu, SUHAKAM menggesa semua pihak dan Kerajaan Malaysia untuk memberi pertimbangan untuk menyokong syor-syor yang dikemukakan oleh AIHRC dan komited untuk apa jua cara yang ada bagi menyediakan bantuan dan sokongan bagi membantu situasi hak asasi manusia di Afghanistan. SUHAKAM juga menyokong Kerajaan Malaysia untuk membawa perkara ini kepada perhatian Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk mengkoordinasi bantuan kemanusiaan untuk rakyat Afghanistan; dan mengeluarkan kenyataan untuk menangani situasi hak asasi manusia di Afghanistan.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

17 September 2021

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my

“Hak Asasi untuk Semua”

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600